

HLB x IKEA MOHON DAN DAPATKAN KAD HADIAH IKEA BERNILAI SEHINGGA RM140

Last Updated on 01 March 2022

TEMPOH KEMPEN

Kempen HLB x IKEA “Mohon dan Dapatkan Kad Hadiah IKEA Bernilai Sehingga RM140” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144) (686191-W)) (“**HLISB**”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada **15 April 2022** dan berakhir pada **15 Julai 2022**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARATBerikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“**T&S**”):**KELAYAKAN**

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu Bank yang sedia ada dan baharu, warga Malaysia dan bukan warga Malaysia (secara kolektif dirujuk sebagai “**Pelanggan**”) yang melakukan Transaksi yang Layak yang tersenarai dalam Jadual 1 di bawah di gerai Bank yang berada di IKEA Tebrau, IKEA Damansara, IKEA Cheras atau IKEA Batu Kawan (“**Gerai Hong Leong**”):-

Jadual 1:

No	Transaksi yang Layak
1	Berjaya Menyerahkan Permohonan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i
2	Berjaya Menyerahkan Permohonan Kad Kredit HLB
3	Berjaya Memohon Pindahan Baki HLB
4	Berjaya Memohon HLB Quick Cash
5	Berjaya Memohon Pelan Pembayaran Fleksi HLB
6	Berjaya membuka akaun bagi Akaun yang Menyertai (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 3 di bawah)

2. Kempen ini sah untuk para Pelanggan yang baharu dengan produk dan:
 - (i) **Berjaya memohon Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB (“Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i”)** dalam Tempoh Kempen;
 - (ii) **Berjaya memohon Kad Kredit HLB** dalam Tempoh Kempen;
 - (iii) **Berjaya memohon Quick Cash, Pindahan Baki dan/atau Pelan Pembayaran Fleksi HLB** dalam Tempoh Kempen; dan/atau
 - (iv) **baharu dengan Akaun yang Menyertai** dan tidak memiliki sebarang Akaun yang Menyertai dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan membuka mana-mana Akaun yang Menyertai semasa Tempoh Kempen.
3. Akaun-akaun yang Menyertai untuk Kempen ini adalah seperti berikut:
 - (i) Akaun Pay&Save/Akaun Pay&Save-i Hong Leong;
 - (ii) Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong;
 - (iii) Akaun Junior 3-dalam-1/Akaun Junior 3-dalam-1-i Hong Leong
 - (iv) Akaun Simpanan Junior/Akaun Simpanan Junior-i Hong Leong;
 - (v) Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa Asas-i Hong Leong;
 - (vi) Akaun Semasa/Akaun Semasa-i Hong Leong.

4. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan:
 - (i) yang telah melakukan atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) yang menghadapi prosiding muflis atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau
 - (iii) yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang mentadbir setiap Transaksi yang Layak yang disenaraikan dalam Jadual 1 dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen.
5. Kempen ini **TIDAK** sah dengan mana-mana promosi lain yang sedang berlangsung yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
6. Para pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan dalam klausa di atas boleh menyertai Kempen ini dan mendapat Kad Hadiah IKEA dengan nilai maksimum Satu Ratus Empat Puluh Ringgit Malaysia (RM140) setiap Pelanggan tertakluk pada terma dan syarat Kempen ini.

TATACARA KEMPEN

A. BAGI PINJAMAN/PEMBIAYAAN PERIBADI-i, KAD KREDIT HLB, QUICK CASH, PINDAHAN BAKI DAN/ATAU PELAN PEMBAYARAN FLEKSI

7. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan perlu:
 - (i) **LANGKAH 1:** Berjaya melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Transaksi yang Layak semasa Tempoh Kempen dengan butirannya disediakan dalam Jadual 1 di atas ;
 - (ii) **LANGKAH 2:** Berjaya menyerahkan permohonan yang lengkap bersama-sama dengan dokumen berkaitan yang diperlukan; dan

Apabila Langkah 1 dan Langkah 2 ini selesai, Pelanggan akan menerima sekeping Kad Hadiah IKEA bernilai Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20) bagi setiap Transaksi yang Layak di Gerai Hong Leong yang berkenaan di mana Transaksi yang Layak dilakukan, tertakluk kepada jumlah nilai maksimum Kad Hadiah IKEA sebanyak Satu Ratus Ringgit Malaysia (RM100) seperti yang dijelaskan dalam Klausa 14 di bawah.

8. Sebanyak Tujuh Ratus Lima Puluh keping (750) Kad Hadiah IKEA bernilai dua puluh Ringgit Malaysia (RM20) setiap satu, yang mewakili jumlah sebanyak Lima Belas Ribu Ringgit Malaysia (RM15,000) disediakan untuk ditebus bagi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i, Kad Kredit HLB, Quick Cash, Pindahan Baki dan/atau Pelan Pembayaran Fleksi sepanjang Tempoh Kempen ("**Peruntukan Maksimum**") di Gerai Hong Leong berdasarkan siapa cepat dia dapat. Peruntukan bagi setiap Gerai Hong Leong ("**Peruntukan Gerai**") dihadkan pada:

Jadual 2:

Lokasi	Peruntukan Kad Hadiah IKEA untuk Permohonan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i, Kad Kredit HLB, Quick Cash, Pindahan Baki dan/atau Pelan Pembayaran Fleksi
IKEA Damansara	Lima Ratus Enam Puluh Lima (565)
IKEA Cheras	Lima Ratus Enam Puluh Lima (565)

IKEA Batu Kawan	Satu Ratus Lapan Puluh Lima (185)
IKEA Tebrau	Satu Ratus Lapan Puluh Lima (185)
JUMLAH	Satu Ribu Lima Ratus (1500) Kad Hadiah IKEA

B. UNTUK AKAUN-AKAUN HLB YANG MENTERTAI

9. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan perlu:
- LANGKAH 1:** Melengkapkan pembukaan Akaun yang Menyertai yang dinyatakan pada Klausa 3 di atas semasa Tempoh Kempen;
 - LANGKAH 2:** Membuat deposit permulaan sebanyak Lapan Puluh Ringgit Malaysia (RM80) atau mengikut syarat amaun minimum deposit permulaan Akaun yang Menyertai, yang mana satu lebih tinggi ("**Amaun Minimum**");
 - LANGKAH 3:** Mendaftar dan log masuk ke Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan/atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih HLB semasa Tempoh Kempen; dan

Apabila Langkah 1 hingga 3 ini selesai, Pelanggan boleh menerima sekeping Kad Hadiah IKEA bernilai Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20) di Gerai Hong Leong yang berkenaan tertakluk kepada jumlah nilai maksimum Kad Hadiah IKEA sebanyak Empat Puluh Ringgit Malaysia (RM40) seperti yang dijelaskan dalam Klausa 10 dan 11 di bawah.

10. Bagi pembukaan Akaun yang Menyertai untuk individu dan pemilik tunggal, Pelanggan yang Layak hanya layak menerima maksimum satu (1) Kad Hadiah IKEA tidak kira bilangan Akaun yang Menyertai yang dibuka oleh Pelanggan yang Layak sepanjang Tempoh Kempen.
11. Bagi pembukaan Akaun yang Menyertai untuk Pemegang Akaun Junior, Pelanggan yang Layak hanya layak menerima maksimum satu (1) Kad Hadiah IKEA tidak kira bilangan Akaun yang Menyertai yang dibuka oleh Pemegang Akaun Junior yang sama sepanjang Tempoh Kempen.
12. Sebanyak lima ribu (5,000) keping Kad Hadiah IKEA bernilai Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20) setiap satu, yang bernilai Satu Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM100,000) disediakan untuk dituntut untuk Akaun yang menyertai sepanjang Tempoh Kempen berdasarkan siapa cepat dia dapat. Peruntukan Gerai dihadkan pada:

Jadual 3:

Lokasi	Peruntukan Kad Hadiah IKEA untuk Permohonan Akaun yang Menyertai
IKEA Damansara	Satu Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh (1,750)
IKEA Cheras	Satu Ribu Dua Ratus Lima Puluh (1,250)
IKEA Batu Kawan	Satu Ribu (1,000)
IKEA Tebrau	Satu Ribu (1,000)
JUMLAH	Lima Ribu (5,000) Kad Hadiah IKEA

13. Pelanggan yang telah melakukan dan memenuhi syarat-syarat dalam Klausa 7 dan 12 di atas (“Pelanggan yang Layak”) boleh mendapat Kad Hadiah IKEA mengikut kaedah pemilihan penebusan di bawah Klausa 15 hingga 16 yang berikut.
14. Sepanjang Tempoh Kempen, setiap Pelanggan yang Layak boleh menerima maksimum sebanyak tujuh (7) keping Kad Hadiah IKEA untuk Kempen ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah. Kod Hadiah IKEA tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.

PROSES MENEBUS KAD HADIAH IKEA

15. Sebagai sebahagian daripada proses penebusan Pelanggan yang Layak bagi Kad Hadiah IKEA, Transaksi yang Layak perlu dilakukan semasa tempoh Kempen oleh Pelanggan yang Layak, seperti dinyatakan di bawah.

Jadual 4:

Transaksi yang Layak	Bilangan Kad Hadiah IKEA untuk setiap Pelanggan yang Layak
Berjaya Menyerahkan Permohonan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i	1X Kad Hadiah IKEA Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20)
Berjaya Menyerahkan Permohonan Kad Kredit HLB	1X Kad Hadiah IKEA Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20)
Berjaya Memohon Pindahan Baki HLB	1X Kad Hadiah IKEA Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20)
Berjaya Memohon HLB Quick Cash	1X Kad Hadiah IKEA Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20)
Berjaya Memohon Pelan Pembayaran Fleksi HLB	1X Kad Hadiah IKEA Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20)
Berjaya membuka akaun untuk Akaun yang Menyertai bagi:	
Individu dan Pemilik Tunggal; dan/atau	1X Kad Hadiah IKEA Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20)
Pemegang Akaun Junior	1X Kad Hadiah IKEA Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20)
JUMLAH	7X Kad Hadiah IKEA Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20)

16. Pelanggan yang Layak yang berjaya melakukan mana-mana Transaksi yang Layak yang tersenarai dalam Jadual 4 di atas layak menerima satu (1) keping Kad Hadiah IKEA di Gerai Hong Leong bagi setiap permohonan/pembukaan akaun yang lengkap berdasarkan siapa cepat dia dapat semasa Tempoh Kempen sehingga Peruntukan Maksimum dan/atau Peruntukan Gerai dicapai.
17. Kad Hadiah IKEA sah sehingga **30 Jun 2024**. Kad Hadiah IKEA yang tamat tempoh tidak akan diterima oleh Ikano Handal Malaysia Sdn Bhd. Tempoh sah Kad Hadiah IKEA tidak akan

dilanjutkan selepas tamat tempoh atau apa-apa keadaan lain. Mana-mana Kad Hadiah IKEA yang tidak digunakan atau tidak ditebus selepas tempoh sah akan luput dan menjadi tidak sah.

18. Setiap Kad Hadiah IKEA hanya sah untuk sekali guna sahaja. Sebarang baki yang tidak digunakan tidak akan dibayar balik. Jika nilai Kad Hadiah IKEA kurang daripada nilai barangan yang dibeli, perbezaan harga hendaklah ditanggung oleh Pelanggan yang Layak Kad Hadiah IKEA.
19. Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Kad Hadiah IKEA dan/atau produk IKEA, kesahihan dan/atau penggunaan Kad Hadiah IKEA. Bank tidak bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Kad Hadiah IKEA yang hilang, rosak atau tamat tempoh. Pelanggan yang Layak Kad Hadiah IKEA hendaklah dengan menggunakan kos dan perbelanjaan sendiri, berurusan secara terus dengan Ikano Handal Malaysia Sdn Bhd bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian atau tuntutan berkaitan Kad Hadiah IKEA dan/atau produk IKEA tanpa mendapat bantuan dari Bank.

AM

20. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
 - (i) bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan akan terikat dengan T&S yang terkandung di sini; Terma dan Syarat Am Akaun Bank, terma dan syarat yang terpakai untuk Akaun yang Menyertai dan terma dan syarat yang terpakai untuk Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i, Kad Kredit HLB, Quick Cash, Pindahan Baki dan/atau Pelan Pembayaran Fleksi;
 - (ii) bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima Notis Privasi Bank dan bersetuju untuk terikat dengan notis ini. Kedua-dua notis ini disediakan di laman web Bank masing-masing di www.hlb.com.my dan/atau www.hlisb.com.my ("**Laman web Bank**");
 - (iii) bahawa semua rekod tentang pengisian syarat kelayakan yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen adalah muktamad.
 - (iv) bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berhubung dengan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
 - (v) bahawa Kad Hadiah IKEA tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai;
 - (vi) bahawa Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Kad Hadiah IKEA;
 - (vii) mengakses laman web Kempen di www.hlb.com.my/ikea ("**Laman Web Kempen**") pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini tentang T&S tersebut; dan
 - (viii) bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
21. Bank berhak:
 - (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen;
 - (ii) untuk membatalkan mana-mana Pelanggan atas ketidakpatuhan T&S yang terkandung di sini daripada menyertai Kempen ini dan/atau melayakkan diri untuk Kad Hadiah IKEA;
 - (iii) untuk menggantikan Kad Hadiah IKEA dengan apa-apa barangan lain yang sama nilai mengikut budi bicaranya; dan
 - (iv) untuk mengagihkan semula bilangan peruntukan Kad Hadiah IKEA Gift di setiap Gerai Hong Leong pada sepanjang Tempoh Kempen.
22. T&S yang terkandung di sini; Terma dan Syarat Am Akaun Bank, terma dan syarat yang terpakai untuk Akaun yang Menyertai dan terma dan syarat yang terpakai untuk Pinjaman/Pembiayaan

Peribadi-i, Kad Kredit HLB, Quick Cash, Pindahan Baki dan/atau Pelan Pembayaran Fleksi hendaklah dibaca sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S yang terkandung di sini, Terma dan Syarat Akaun Bank, terma dan syarat yang terpakai untuk Akaun yang Menyertai dan terma dan syarat yang terpakai untuk Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i, Kad Kredit HLB, Quick Cash, Pindahan Baki dan/atau Pelan Pembayaran Fleksi, T&S yang terkandung di sini akan diutamakan bagi meliputi percanggahan tersebut.

23. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S pada Laman Web Kempen akan digunakan.
24. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
25. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Hong Leong Deposit-i ialah akaun deposit yang berasaskan prinsip Tawarruq Shariah. Produk Deposit/Deposit-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Jika anda ada sebarang pertanyaan tentang T&S, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada staf kami yang akan melayani anda. Sebagai alternatif, anda boleh e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my